

MAKLUMBALAS MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUT HARGA MPC
BILANGAN 3/2021 @ 26 Februari 2021

PARA	MINIT	MAKLUM BALAS
1	<i>Mempertimbangkan kertas tawaran sebut harga:</i> <u>Kertas 7/2021</u> Perkhidmatan Pembangunan Sistem Digitalisasi Ke Arah Industri 4.0 Melalui Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterprise 2.0 (Mac-September 2021) Mesyuarat meluluskan syarikat Powernode Solution sebagai pembekal bagi perkhidmatan ini dengan nilai sebanyak RM49,500 dengan syarat : 1. Perlu dapatkan Memo kelulusan dari Dato' KP bagi kadar tidak menggunakan kaedah JPPK; 2. Rundingan harga pada Fasa 3 ke paras siling MPC; 3. Sila rujuk EEPN bagi mendapatkan harga lebih menjimatkan PIC : Kartin Haslinda (OED)	Pihak Sekretariat SPPE 2.0 mengambil maklum keputusan ahli Mesyuarat Sebut Harga B. Berikut adalah maklumbalas berkaitan syarat yang ditetapkan : 1. Memo kelulusan daripada Dato' KP bagi kadar tidak menggunakan kaedah JPPK telah diluluskan pada 1 Mac 2021. 2. Satu Mesyuarat Rundingan Harga bersama pembekal telah diadakan pada 4 Mac 2021 (Khamis) bagi membincangkan pengurangan kos ke paras siling MPC. Pembekal bersetuju untuk mengurangkan kos selapas rundingan harga daripada RM49,500.00 kepada RM48,500.00 untuk perkhidmatan ini, iaitu pengurangan sebanyak 2.0% daripada harga tawaran asal. 3. Satu sesi perbincangan dan perkongsian bersama EEPN telah diadakan pada 3 Mac 2021 (Rabu) bagi mendalami kaedah gerak kerja dan seterusnya mendapatkan maklumat berkaitan kos bagi program EEPN. Hasil perkongsian adalah seperti berikut : 1. Program Plugfest EEPN mula dijalankan pada tahun 2018 yang mana matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan produktiviti dalam syarikat-syarikat SME. 2. Seramai 132 orang jurutera dari 67 syarikat berjaya dilatih daripada beberapa siri Program Plugfest 1.0 yang dijalankan secara fizikal sekitar tahun 2018 hingga 2019 manakala 45 jurutera dari 25 syarikat dilatih bagi dua siri program Plugfest 2.0 bagi tahun 2020.

		3. Lanjutan Program Plugfest 2.0, satu Program yang dinamakan sebagai <i>Intel Artificial Intelligence for SMEs (AI4S)</i> telah diperkenalkan hasil usahasama MIDA, INTEL dan MPC di mana modelnya adalah sama dengan <i>Stater Kits</i> yang digunakan dalam Program Plugfest 2.0. Pemilihan syarikat dilakukan oleh pihak MIDA. 4. INTEL menaja 100 unit <i>Starter Kits</i> untuk diberi kepada SMEs bagi menjayakan Program AI4S ini. 5. Sesi Latihan AI4S dijalankan selama 6 hari dan terdapat 6 modul yang akan diajar kepada wakil-wakil syarikat. 6. Ciri-ciri dan fungsi <i>Starter Kits</i> yang digunakan bagi Program AI4S adalah sama dan akan digunakan oleh 100 syarikat daripada 23 sub-sektor. 7. Bagi program Plugfest 1.0, kos yang dikenakan kepada syarikat bagi satu unit <i>Starter Kits</i> dan sesi latihan adalah sebanyak RM2500 manakala bagi Plugfest 2.0, kos program adalah sebanyak RM6000. Bagi program AI4S pula, tiada yuran dikenakan kepada syarikat kerana <i>Stater Kits</i> ditaja oleh pihak INTEL. 8. Berdasarkan Program Plugfest 1.0, hanya 35 dari 67 syarikat telah memberikan <i>Proof of Concept</i> dan laporan akhir untuk dinilai oleh pihak MPC. 9. Proses pemantauan bagi program ini dilakukan oleh PSDC Pihak Sekretariat SPPE 2.0 mengambil maklum pelaksanaan Program EEPN dan akan menambahbaik pelaksanaan Perkhidmatan Pembangunan Sistem Digitalisasi Ke Arah Industri 4.0 Melalui Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterprise 2.0 (Mac-September 2021)
--	--	--